



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

## Keratan Akhbar

### Berita Online

i

# BERITA

24 JAM

# KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

### Untuk makluman:

- YB Menteri
- YB Timbalan Menteri
- YBhg. KSU
- YBhg. TKSU (PPDN)
- YBhg. TKSU (PP)
- Setiausaha Akhbar

**Tarikh: 19 DISEMBER 2024**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **KPDN**

# Nelayan bimbang subsidi diesel, petrol ditarik balik

**SHAH ALAM:** Komuniti nelayan melahirkan kebimbangan terhadap dakwaan ada usaha menghapuskan subsidi diesel dan petrol yang diterima mereka selama ini susulan berlaku ketirisan dalam pembeiran kemudahan bahan api itu.

Hal tersebut dikesan susulan pertemuan diadakan antara Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) dan agensi-agensi kerajaan bersama komuniti tersebut dan persatuan-persatuan nelayan negeri baru-baru ini.

Antara komuniti nelayan yang sudah ditemui seperti Kelantan, Terengganu, Melaka dan Johor, sementara pertemuan dengan penangkap ikan dari Selangor dan Perak akan diadakan serentak dalam masa terdekat.

Susulan pertemuan itu, dasar tersebut dipercayai akan dilaksanakan seawal Mei hadapan.

Komuniti itu melahirkan kebimbangan jika subsidi bahan api itu ditarik balik, ia akan menyebabkan nelayan tidak lagi dapat turun ke laut setiap hari seperti biasa sekali gus mengganggu bekalan sumber protein negara.

Pengerusi Persatuan Nelayan Selangor, Omar Abd. Rahman berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan KPDN diminta mengkaji dan memikirkan perkara tersebut selain meminta supaya hasrat berkenaan tidak diteruskan kerana mengganggu rutin tangkapan ikan oleh nelayan di seluruh negara.

"Kita minta perdana menteri dan KPDN supaya subsidi yang diberikan iaitu e-diesel dan e-petrol diteruskan dari semasa ke semasa supaya industri perikanan tidak meru-

dum. Nelayan kelas A, B dan C semua terlibat."

"Itu yang kerajaan kena fikir balik, untuk masyarakat nelayan, sekarang nelayan tiada yang kebuluran (terjejas) kerana mendapat bantuan subsidi daripada kerajaan, tetapi, kalau e-diesel dan e-petrol ditarik balik, saya rasa kesannya amat teruk, mungkin nelayan akan jadi daif dan kelaparan," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Ketika ini maklum balas daripada nelayan sedang dikumpulkan oleh kerajaan sebelum dasar baharu itu dilaksanakan.

"Kalau ikut jangkaannya (pelaksanaan) dalam bulan Mei tahun depan. Itu sekarang kita (komuniti nelayan) sedang ditemu bual di seluruh negara, Johor, Melaka, Terengganu dan Kelantan sudah buat, tinggal Selangor dan Perak belum lagi.

Berdasarkan maklumat dari laman Kementerian Kewangan, Skim Subsidi Diesel dan Petrol Nelayan membolehkan nelayan memperoleh bahan api itu pada harga RM1.65 seliter dengan kuota sebanyak 840 juta liter setahun.

Bantuan tersebut diberikan pada Belanjawan 2024 bagi menampung sebahagian kos operasi tangkapan ikan yang ditanggung oleh nelayan berikut kenaikan harga minyak di pasaran.

Malah, Anwar yang juga Menteri Kewangan kemudian meneruskan pemberian subsidi tersebut dalam pembentangan Belanjawan 2025 mengumumkan bantuan subsidi dan insentif termasuk kepada pesawah dan nelayan pada tahun hadapan sebanyak RM2.78 bilion, meningkat berbanding RM2.6 bilion pada tahun ini.

## MICCI launches 'E-Commerce Chapter' to boost Malaysia's digital economy

**KUALA LUMPUR:** The Malaysian International Chamber of Commerce and Industry (MICCI) has introduced the 'E-Commerce Chapter' to enhance collaboration between key players in the e-commerce industry and regulatory bodies.

This newly established chapter aims to provide a platform for continuous dialogue, policy development, and regulatory harmonisation, with the objective of promoting sustained growth in Malaysia's e-commerce sector.

MICCI president Christina Tee said the chapter marks an important milestone in strengthening Malaysia's position as a leader in the digital economy.

She said the chamber is creating a vital bridge between industry players and regulators by fostering open dialogue to meaningfully address industry challenges, champion innovation, and foster inclusive growth.

"E-commerce has the power to drive economic resilience, and through this chapter, we are committed to building a collaborative and forward-looking ecosystem



Director Secretariat of Distributive Trade and Services Industry from the Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs Muhamad Hanif Asa'ari (centre) during the official launch of the MICCI E-Commerce Chapter, in collaboration with Shopee, Lazada, and Mudah.my, to boost Malaysia's digital economy here. Also present are Tee (right), Lazada Regional Communications director Sharmine Ishak (left), Shopee Mobile head of Government and Public Communications Nadia Anwar (second left) and Mudah.my head of Corporate Affairs Chung Tsung Shen. —Bernama photo

that benefits all stakeholders, especially in empowering businesses and underserved communities," she said at the 'E-commerce Chapter' launching

here yesterday.

The chapter also includes major platforms, namely Shopee, Lazada, and Mudah.my. — Bernama

## 56 kes penipuan logo, sijil halal libatkan lebih RM1.8 juta nilai rampasan tahun ini

**KUALA LUMPUR:** Sebanyak 56 kes penipuan logo dan pensijilan halal yang melibatkan nilai rampasan RM1.813 juta dilaporkan tahun ini setakat Isnin lepas, kata Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup Fuziah Salleh.

Beliau berkata, kesalahan itu dilakukan di bawah Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 dan Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011.

Fuziah turut memaklumkan bahawa lebih 800,000 operasi pemeriksaan telah dijalankan sepanjang tahun ini, dan RM140,500 kompaun

telah dikeluarkan terhadap pihak yang terlibat.

“Penguatkuasaan ini dijalankan setiap hari oleh lebih 2,000 penguat kuasa yang menjalankan tugas mereka,” katanya pada sesi soal jawab di Dewan Negara semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Senator Salehudin Saidin mengenai kekerapan penguatkuasaan dan tindakan diambil terhadap produk makanan dan minuman bagi menjaga kebajikan orang Islam.

Menjawab soalan Senator Datuk Dr Azhar Ahmad mengenai tindakan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) dalam me-

nangkan isu penipuan logo dan pensijilan halal terutama dalam kalangan pengusaha makanan dan minuman bukan Islam, Fuziah berkata pihaknya bekerjasama dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam negeri bagi meningkatkan penguatkuasaan.

“Pengusaha bukan Islam yang memaparkan ayat al-Quran, lambang masjid, kabbah atau menggunakan nama Islam seperti ‘berkat’ dan sebagainya di premis mereka boleh dianggap melakukan kesalahan dari segi takrifan halal. Ini termasuk kesalahan di bawah Akta Perihal Dagangan,” katanya.

Menurutnya, KPDN bersama Jakim dan Jabatan Agama Islam negeri melaksanakan pemeriksaan berkala di premis makanan, minuman dan kilang pemprosesan sebagai langkah mencegah penipuan logo halal.

“Jika didapati bersalah menggunakan logo halal palsu atau tanpa mendapatkan sijil halal sah, individu boleh dikenakan denda RM100,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun, atau kedua-dua sekali. Bagi syarikat, hukuman denda maksimum adalah RM200,000 untuk kesalahan pertama dan sehingga RM500,000 untuk kesalahan berikutnya,” jelas Fuziah.

— Bernama



■傅芝雅

## 56宗偽造清真證充公181萬

(吉隆坡18日讯) 国内贸易及生活成本部副部长傅芝雅指出，截至本月16日，共投报56宗涉及伪造清真标志和证书的案件，涉及充公金额达181万3000令吉。

她说，当局是根据2011年商品说明指令（清真定义）和2011年商品说明指令（清真认证与标志）来处置。

“今年全年已展开超过80万次检查行动，对违法者开出了总数14万令吉的罚款。”

“超过2000名执法人员每天都在展开执法行动。”

她今日在国会上议院回答环节时，这么指出。

她是在回答上议员沙里胡丁赛丁关于执法频率，以及针对食品和饮料产品采取措施，以保障穆斯林权益的附加提问时，作出上述回应。

在回答拿督阿兹哈上议员有关该部在打击伪造清真标志欺诈和认证（特别是在非穆斯林食品和饮料企业中）所做的努力时，副部长说，该部正在与伊斯兰宗教局和各州伊斯兰宗教部门，加强执法。



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR AGENSI



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

## PERNIAGAAN

# Kriteria baharu pengecualian audit

**KUALA LUMPUR** - Kriteria baharu bagi pengecualian audit penyata kewangan untuk syarikat persendirian akan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2025.

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dalam kenyataan pada Rabu berkata, kriteria semasa akan kekal terpakai sehingga 31 Disember ini dan terus berkuat kuasa bagi penyata kewangan melibatkan tempoh bermula sebelum tarikh tersebut.

Menurutnya, langkah itu selaras dengan komitmen SSM untuk meningkatkan kualiti pengauditan penyata kewangan di negara ini, di samping mengurangkan beban pematuhan dihadapi syarikat persendirian.

"Kriteria baharu ini dijangka memberi manfaat kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS), mengurangkan kos pematuhan serta memastikan kecekapan dan ketelusan amalan tadbir urus korporat terus berada pada tahap terbaik," menurut kenyataan itu. - *Bernama*

## Pengecualian audit syarikat persendirian berkuat kuasa 1 Januari



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA  
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

KUALA LUMPUR: Kriteria baharu bagi pengecualian audit penyata kewangan untuk syarikat persendirian akan mula berkuat kuasa pada 1 Januari tahun depan.

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dalam satu kenyataan

semalam berkata kriteria semasa kekal berkuat kuasa sehingga 31 Disember ini dan terus terpakai bagi penyata kewangan untuk tempoh yang bermula sebelum 1 Januari tahun depan.

"Langkah ini selaras dengan komitmen SSM untuk mening-

katkan kualiti pengauditan bagi penyata kewangan di negara ini, di samping mengurangkan beban pematuhan yang dihadapi oleh syarikat persendirian.

"Kriteria baru ini akan memberikan manfaat kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS), mengurangkan kos pematuhan serta memastikan kecekapan dan ketelusan amalan tadbir urus korporat terus berada di tahap terbaik," katanya.

SSM pada Isnin lepas mengumumkan kriteria baharu pengecualian audit penyata kewangan bagi syarikat persendirian di Malaysia melalui penerbitan Arahan Amalan Bil. 10/2024 bertajuk "Qualifying Criteria Fo Exemption

Fo Certain Private Companies in Malaysia".

Kriteria baharu pengecualian audit yang diperkenalkan itu telah melalui beberapa siri konsultasi bermula dari Februari 2023 hingga Jun lepas serta mendapat sokongan daripada 88 peratus responden.

Mana-mana syarikat yang ingin mendapatkan pengecualian audit perlu memenuhi mana-mana dua daripada tiga kriteria yang ditetapkan.

Kriteria pertama adalah perolehan tahunan syarikat tidak melebihi RM3,000,000 dalam tahun kewangan semasa dan dua tahun kewangan terdahulu.

Kriteria kedua adalah jum-

lah aset syarikat dalam tahun kewangan semasa dan dua tahun kewangan terdahulu tidak boleh melebihi RM3,000,000.

Kriteria ketiga pula, bilangan pekerja pada akhir tahun kewangan semasa dan dua tahun kewangan sebelumnya tidak melebihi 30 orang.

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut boleh hubungi SSM Customer Care (SSMCC) di bahagian Aduan dan Maklum balas SSM Chatbot (24 jam, 7 hari), Live Chat SSM (8 pagi hingga 5.30 petang, Isnin hingga Jumaat, kecuali cuti umum) melalui portal rasmi SSM, talian telefon 03-7721 4000 atau e-mel ke enquiry@ssm.com.my. - Bernama

# 國家糧食內閣委會會議 談白米管控雞蛋補貼

(布城18日讯) 首相拿督斯里安华周二主持2024年国家粮食安全政策内阁委员会(JKKMN)第2次会议，探讨了本地白米行业管控与鸡蛋补贴事宜。

农业及粮食安全部指出，昨天的会议强调了政府制定更具竞争力和可持续粮食安全政策和战略的愿景，以确保国家粮食安全水平保持稳定。

该部说，会议研究了2份报告，其中包括一份特别提呈文件和一份考虑文件，包括大马竞争委员会(MyCC)关于稻米

和白米行业生产和管理的调查结果。

农业及粮食安全部在文告中指出，委员会根据大马竞争委员会的建议，要求农业部研究本地白米与进口白米混合，以及价格估算的管控机制。

文告说，该部也被要求研究为稻农及白米业者提供援助的方案，以吸纳稻米和白米生产成本增加的影响，有关研究的完整报告将在明年1月提呈内阁。

文告说，会议也探讨鸡蛋补贴的机制与其影响性的课题。



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# **BERITA ONLINE**

## **KPDN & AGENSI**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

**BERITA ONLINE BERTARIKH 19 DISEMBER 2024**

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
19-Dec	56 KES PENIPUAN LOGO, SJIL HALAL LIBATKAN LEBIH RM1.8 JUTA NILAI RAMPA-SAN TAHUNINI	<a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2374884">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2374884</a>	BERNAMA
19-Dec	PENGARAH SYARIKAT DIDAKWA GUNA BANGUNAN BAGI AKTIVITI PENGUBAHAN WANG HARAM	<a href="https://bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2374847">https://bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2374847</a>	BERNAMA
19-Dec	Wanita didakwa guna bangunan untuk aktiviti pengubahan wang haram	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/mahkamah/2024/12/pengarah-syariikat-didakwa-guna-bangunan-untuk-aktiviti-pengubahan-wang-haram/">https://www.utusan.com.my/nasional/mahkamah/2024/12/pengarah-syariikat-didakwa-guna-bangunan-untuk-aktiviti-pengubahan-wang-haram/</a>	UTUSAN MALAYSIA
19-Dec	Warganet puji penguat kuasa KPDN Melaka	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/12/1338498/warganet-puji-penguat-kuasa-kpdn-melaka">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/12/1338498/warganet-puji-penguat-kuasa-kpdn-melaka</a>	BERITA HARIAN
19-Dec	Pengarah syarikat didakwa terbabit aktiviti pengubahan wang haram	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/702818/berita/semasa/pengarah-syariikat-didakwa-terbabit-aktiviti-pengubahan-wang-haram#google_vignette">https://www.sinarharian.com.my/article/702818/berita/semasa/pengarah-syariikat-didakwa-terbabit-aktiviti-pengubahan-wang-haram#google_vignette</a>	SINAR HARIAN
19-Dec	Domestic trade officers commended for tackling price-gouging at Melaka minimart	<a href="https://www.nst.com.my/news/nst-viral/2024/12/1149908/nstviral-domestic-trade-officers-commended-tackling-price-gouging">https://www.nst.com.my/news/nst-viral/2024/12/1149908/nstviral-domestic-trade-officers-commended-tackling-price-gouging</a>	NEW STRAITS TIMES
19-Dec	Pakatan antara agensi banteras jenayah kewangan	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/12/1338492/pakatan-antara-agensi-banteras-jenayah-kewangan">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/12/1338492/pakatan-antara-agensi-banteras-jenayah-kewangan</a>	BERITA HARIAN
19-Dec	Lori keluar masuk bongkar kegiatan seleweng LPG	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/702906/berita/semasa/lori-keluar-masuk-bongkar-kegiatan-seleweng-lpg">https://www.sinarharian.com.my/article/702906/berita/semasa/lori-keluar-masuk-bongkar-kegiatan-seleweng-lpg</a>	SINAR HARIAN
19-Dec	KPDN serbu stor haram simpan LPG di Johor	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-serbu-stor-haram-simpan-lpg-di-johor-501229?amp=1">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-serbu-stor-haram-simpan-lpg-di-johor-501229?amp=1</a>	ASTRO AWANI

19-Dec	Serbuan ke stor tesorok bongkar kegiatan penyelewengan LPG di Kulai	<a href="https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/12/1167645/serbuan-ke-stor-tesorok-bongkar-kegiatan-penyelewengan-lpg-di-kulai">https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/12/1167645/serbuan-ke-stor-tesorok-bongkar-kegiatan-penyelewengan-lpg-di-kulai</a>	HARIAN METRO
19-Dec	KPDN gempur stor haram simpan, edar LPG	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-gempur-stor-haram-simpan-edar-lpg/">https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-gempur-stor-haram-simpan-edar-lpg/</a>	BULETIN TV3
19-Dec	KPDN SERBU STOR HARAM SIMPAN LPG DI JOHOR	<a href="https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2375037">https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2375037</a>	BERNAMA
19-Dec	PGA patahkan cubaan seludup 102kg minyak masak peket di sempadan Lubok Antu	<a href="https://suarasarawak.my/pga-patahkan-cubaan-seludup-102kg-minyak-masak-peket-di-sempadan-lubok-antu">https://suarasarawak.my/pga-patahkan-cubaan-seludup-102kg-minyak-masak-peket-di-sempadan-lubok-antu</a>	SUARA SARAWAK
19-Dec	KPDN tangani kegiatan manipulasi pasaran	<a href="https://www.wilayahku.com.my/kpdn-tangani-kegiatan-manipulasi-">https://www.wilayahku.com.my/kpdn-tangani-kegiatan-manipulasi-</a>	WILAYAHKU
19-Dec	Kerajaan guna dua akta pastikan kestabilan harga barang	<a href="https://www.tvsarawak.my/2024/12/18/dewan-negara-kerajaan-guna-dua-akta-pastikan-kestabilan-harga-barang/">https://www.tvsarawak.my/2024/12/18/dewan-negara-kerajaan-guna-dua-akta-pastikan-kestabilan-harga-barang/</a>	TV SARAWAK
19-Dec	KRITERIA BAHARU PENGECAULIAN AUDIT BAGI SYARIKAT PERSENDIRIAN BERKUAT KUASA 1 JAN 2025 - SSM	<a href="https://bernama.com/radio/news.php?id=2374940">https://bernama.com/radio/news.php?id=2374940</a>	BERNAMA
19-Dec	Kriteria baharu bagi pengecaulian audit syarikat persendirian berkuat kuasa 1 Januari 2025	<a href="https://malaysiagazette.com/2024/12/18/kriteria-baharu-bagi-pengecaulian-audit-syarikat-persendirian-berkuat-kuasa-1-januari-">https://malaysiagazette.com/2024/12/18/kriteria-baharu-bagi-pengecaulian-audit-syarikat-persendirian-berkuat-kuasa-1-januari-</a>	MALAYSIA GAZETTE
19-Dec	56 kes tipu logo, sijil halal libat nilai rampasan RM1.8 juta	<a href="https://selangorkini.my/2024/12/56-kes-tipu-logo-sijil-halal-libat-nilai-rampasan-rm1-8-juta/">https://selangorkini.my/2024/12/56-kes-tipu-logo-sijil-halal-libat-nilai-rampasan-rm1-8-juta/</a>	SELANGOR KINI
19-Dec	56 kes penipuan logo dan sijil halal	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/12/56-kes-penipuan-logo-dan-sijil-halal/">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/12/56-kes-penipuan-logo-dan-sijil-halal/</a>	UTUSAN MALAYSIA